



GIATMARA SENDIRIAN BERHAD

KENYATAAN SEBUT HARGA

Tawaran adalah dipelawa kepada pembekal Bumiputera yang berpengalaman, berkeelayakan dan berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia serta berdaftar dengan GIATMARA Sendirian Berhad bagi melaksanakan kerja-kerja berikut:

NO. SEBUT HARGA	TAJUK KERJA	KOD BIDANG	TARIKH IKLAN PELAWAAN	TARIKH PENJUALAN DOKUMEN	HARGA SENASKAH DOKUMEN	TARIKH TUTUP
GM400/122/RMK12/41/2023	CADANGAN MEMBEKAL, MENGHANTAR, MEMASANG, MENGUJI TERIMA DAN MENTAULIAH PERALATAN RMK12 (RP3) BAGI KLUSTER MEDIA KREATIF (KURSUS TEKNOLOGI FOTOGRAFI) DI GIATMARA BUKIT GELUGOR,PULAU PINANG	130101	16/06/2023	22/06/2023 Hingga 03/07/2023	RM 5.00	10/07/2023 Isnin (Sebelum 12.00 Tengah Hari)

- Pembekal hendaklah memastikan sijil-sijil berikut yang masih sah tempohnya sebelum dibenarkan membeli dokumen:-
 - Sijil asal Akuan Pendaftaran Syarikat dengan **KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA**
 - Sijil asal Akuan Pendaftaran Syarikat **BUMIPUTERA** dengan **KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA**
- Satu (1) salinan SIJIL ASAL di atas hendaklah dikemukakan untuk simpanan GIATMARA semasa mengambil dokumen. GIATMARA berhak menolak permohonan yang pada tanggapan GIATMARA ianya tidak layak. Satu (1) pembekal hanya dibenarkan membeli satu (1) dokumen sebut harga bagi setiap sebut harga dan mengemukakan satu (1) tawaran sebut harga sahaja.
- Hanya **PEMILIK SYARIKAT / PENAMA** yang dibenarkan bagi pengambilan dokumen dengan mengemukakan **KAD PENGENALAN** dan **SIJIL AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT** dan **SIJIL PERAKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT BUMIPUTERA** dengan **KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA** untuk pengesahan.
- Dokumen Sebutharga boleh diperolehi *pada waktu Pejabat* (8.30 pagi - 12.30 tengahari dan 2.30 - 4.00 petang) di lokasi iaitu
 - Pejabat GIATMARA Negeri Pulau Pinang, No12A-2 Pusat Perniagaan Kepala Batas, 13200 Pulau Pinang (Tel: 04-5741151)
- Bayaran dokumen sebut harga boleh dibuat melalui **bayaran tunai sahaja**. Wang ini tidak akan dikembalikan. Semua kos yang berkaitan dengan Tawaran Kerja di atas adalah tanggungjawab pembekal.
- GIATMARA tidak tertakluk menerima mana-mana tawaran terendah atau sebarang tawaran. GIATMARA berhak untuk membatalkan atau menunda atau menggantung tawaran di atas secara keseluruhan atau sebahagian sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tawaran tanpa menyatakan sebab di atas keputusan tersebut.
- Dokumen Sebutharga yang telah lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang bermeterai dan bertanda dengan **No. Sebutharga** dan **Tajuk Kerja** di sebelah kiri atas sampul surat dan hendaklah dimasukkan ke dalam **PETI SEBUTHARGA SEPERTI ALAMAT DI BAWAH:-**

PENGARAH GIATMARA NEGERI
Pejabat GIATMARA Negeri Pulau Pinang,
No12A-2 Pusat Perniagaan Kepala Batas, 13200 Pulau Pinang
Tel: 04-5741151
- Jika Sebut Harga dihantar dengan menggunakan perkhidmatan pos berdaftar/ kurier, penyebutharga hendaklah memastikan dokumen tersebut selamat tiba pada alamat yang telah ditetapkan sebelum atau pada Tarikh Tutup Sebut Harga selewat-lewatnya pada pukul 12.00 tengah hari. Sebarang kelewatan yang timbul dalam urusan tersebut tidak akan dilayan. Maklumat ringkas tawaran di atas boleh dilayari di <http://www.giatmara.edu.my>